

# Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



## Edar 300 bungkus makanan percuma

NOR SALINA ABD. GHANI (tiga dari kiri) bersama dengan sebahagian mahasiswa yang menerima bantuan makanan percuma daripada Salina's Beauty.

Menyedari kepayahan yang terpaksa ditempuhi golongan mahasiswa di universiti, syarikat produk kecantikan *Salina's Beauty* tampil memberi bantuan makanan percuma kepada mereka yang kurang berkemampuan

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my



**B**UAT julung kalinya, syarikat produk kecantikan *Salina's Beauty* berkerjasama dengan majalah *Al-Islam* terbitan Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB) menganjurkan Program Jejak Siswa dengan mengedarkan sebanyak 300 bungkus makanan kepada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini.

Penganjuran program itu diadakan dengan kerjasama Pusat Islam UKM dan Biro Kebajikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UKM yang turut disertai oleh Penolong Pengarang *Al-Islam*, Norimanah Seman.

Menurut pengasas produk kecantikan tersebut, **Nor Salina Abd. Ghani**, sumbangan bantuan makanan percuma tersebut kepada golongan mahasiswa diharap dapat menceriaikan sebahagian daripada mereka yang kurang berkemampuan.

"Apa yang diharapkan projek dengan kerjasama majalah *Al-Islam* ini dapat meningkatkan kesedaran dalam memberi khidmat kemanusiaan kepada pelajar di universiti khususnya masyarakat Malaysia.

"Insyallah *Salina's Beauty* akan sama-sama membantu dan merancang untuk meneruskan Program Jejak Siswa ini ke beberapa universiti awam di seluruh negara. Kami juga amat berbesar hati dalam menunaikan tanggungjawab sosial syarikat kami kepada komuniti yang memerlukan," katanya.

Tambah Nor Salina, melalui interaksi secara tetap dengan golongan mahasiswa tersebut, mungkin beberapa

program tambahan dapat diatur bagi menolong mereka yang bersedia untuk berdikari di samping terlibat dalam menjana pendapatan sampingan.

"Kita juga akan merancang untuk mengadakan bengkel-bengkel keusahawanan ke arah menjana pendapatan sampingan ketika menuntut di universiti selain menjadikan program ini seperti program motivasi kepada setiap pekerja saya supaya selesa menjalinkan hubungan persahabatan



NOR SALINA ABD. GHANI (dua dari kanan) dan Norimanah Seman (kiri) mengedarkan bantuan makanan percuma kepada mahasiswa dalam Program Jejak Siswa di Pusat Islam UKM, Bangi Selangor baru-baru ini.

dengan sesiapa sahaja termasuk golongan pelajar

"Ia juga sejajar dengan tema syarikat iaitu serlahkan keperibadian sihat, cantik dan menawan," katanya.

Sementara itu, Norimanah berkata, pihaknya berharap lebih banyak syarikat atau mana-mana individu tampil

menghulurkan bantuan agar golongan mahasiswa dibantu dapat ditingkatkan.

Katanya, pihaknya juga bercadang meluaskan lagi skop bantuan dan kerjasama melalui penajaan majalah *Al-Islam*.

Mereka yang berminat bolehlah menghubungi di talian 03-8926 2999.